



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 45. RABU 9 NOVEMBER, 1966.

1386 رابو 25 رجب

PERCHUMA

Majlis Selamat Berpisah Di-Istana

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan mengadakan satu Majlis Selamat Berpisah kepada Dato Seri Setia Major General G.H. Lea di-Istana Darul Hana pada malam ini.

Dato Seri Setia Major General Lea akan berangkat balek ka-United Kingdom dalam minggu ini sa-lepas tamat perkhidmatan beliau sa-bagai Pengarah Gerakan Tentera² British di-wilayah² Borneo.



DATO SERI SETIA
MAJOR GENERAL
G. H. LEA

PERADUAN MEMBACHA AL-QUR'AN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Seramai 30 orang peserta² lelaki dan 18 orang peserta² perempuan telah mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan tersebut telah dilangsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 5 dan 6 November, 1966.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara Yang Mulia Aw. Ali bin Awang Besar, sa-bagai Penaong peraduan tersebut telah menyampaikan ha-


diah² kepada pemenang² yang berjaya dalam peraduan itu. Keputusan-nya adalah saperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Damit bin Haji Kawang dari Kawasan Brunei III. Naib Johan — Awang Abdul Wahab bin Bagawan Pehin Tuan Imam Haji Metassim dari Kawasan Brunei I. Ketiga — Awang Sabtu bin Ahmad dari Kawasan Brunei I. Ke-empat — Awang Ahmad bin Bakar dari Kawasan Brunei III.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Damit binte Md. Yusuf dari Kawasan Brunei I. Naib Johan — Dayang Taibah binte Kudi dari Kawasan Brunei I. Ketiga Dayang Saleha binte Haji Idris dari Kawasan Brunei III. Ke-empat — Dayang Kula binte Haji Idris dari Kawasan Brunei III.

Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohd. Salleh telah dimenangi oleh Johan Bahagian Perempuan, Dayang Damit binte Md. Yusuf. Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahmin telah di-menangi oleh Johan Bahagian Lelaki, Awang Damit bin Haji Kawang.

Pemenang² tersebut akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Kejohanan Sa-Negeri Brunei di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam 24 dan 25 November, 1966.



Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Aliom Ag. Besar kelihatan sedang menyampaikan Perisai dan Sijil kepada Dayang Damit binte Md. Yusuf, Johan Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Brunei dan Muara, Bahagian Perempuan di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada 6 November, 1966. — Gambar BPUI.

PERADUAN MEMBACHA AL-QUR'AN DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashor telah merasmikan pembukaan Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an Daerah Temburong, Kali Yang Ke-Tujoh bertempat di-Padang Pekan Bangar, Temburong pada malam 4 November, 1966.

Peraduan Membacha Al-Qur'an tersebut telah diadakan di-bawah ra'ayah Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan di-hadiri oleh ramai pendu-

dok2 dari Daerah Temburong dan lain2-nya.

Pengiran Syed Shahminan telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 lelaki dan isteri beliau pula telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 perempuan.

Sa-belum merasmikan pembukaan Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Temburong pada malam tersebut, Pengiran Syed Shahminan telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada semua Ahli2 Jawatan Kuasa dan lain2-nya yang telah bertugas bagi menjayakan majlis itu.

Beliau juga telah mengucapkan tahniah kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan tersebut dan berdo'a sa-moga mereka akan berjaya dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Peringkat Negeri kelak. K a p a d a peserta2 yang tidak berjaya pula, beliau b e r k a t a bahawa jangan-lah mereka berputus asa dan hendak-lah mereka menhuba lagi pada tahun yang akan datang serta berazam dengan tikaad yang lebeh kuat lagi.

Kadzi Daerah Temburong, Abang Razali bin Abang Haji Zainuddin, selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Peraduan tersebut, dalam ucapan beliau di-majlis itu, telah mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan yang telah sudi hadir di-majlis tersebut dan seterusnya atas kesudian beliau merasmikan pembukaan Peraduan Membacha Al-Qur'an bagi Daerah Temburong pada malam itu.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Damit bin Alihasan Naib Johan — Awang Nordin bin Arshad. Ketiga — Awang Mohd. Yusof bin Damit.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Aisah binte Mohd. Tazan. Naib Johan — Dayangku Saliha binte Pengiran Abdul Rahman. Ketiga — Dayang Armah binte Lingga.

Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Tutong

TUTONG. — Sa-ramai 18 orang peserta termasuk 7 orang wanita telah memasuki Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an bagi Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-Mesjid Hassanah Bolkliah pada pagi hari Ahad 6 November, 1966.

Peraduan itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh dan kemudian-nya beliau telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan tersebut.

Keputusan peraduan itu ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: Johan — Awang Johari bin Khamis dari Penapar, Naib Johan — Awang Mashod bin Haji Suhaili dari Telisai dan Ketiga — Awang Abdul Hamid bin Talipuddin dari Pekan Tutong.

Bahagian Perempuan — Johan — Dayang Rubiah binte Haji Jawi dari Layong. Naib Johan — Dayang Noraini binte Haji Adnan dari Pekan Tutong dan Ketiga — Dayang Maznah binte Abidin dari Pekan Tutong juga.

Johan dan Naib Johan dalam tiap2 bahagian tersebut akan mewakili Daerah Tutong untuk bertanding dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Peringkat Negeri yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada 24 dan 25 November ini.

JAWATAN KOSONG:

Penolong Pegawai Setesen Di-Jabatan Perkhidmatan Bomba Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada rakyat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai rakyat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Penolong Pegawai Setesen dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

KELAYAKAN2:

- Umur — di-antara 18 hingga 26 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
- Lulus Form III atau sabandingan dengan-nya dalam bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

KESIHATAN: Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat badan dan mesti-lah lulus ujian kekuatan seperti yang di-kehendaki dalam Perkhidmatan Bomba.

LATEHAN: Calon2 yang berjaya mesti-lah lulus dalam Darjah Latehan Pegawai tempatan dan boleh jadi di-kehendaki menjalani latehan

di-Sebarang laut.

MENJALANKAN TUGAS2: Calon2 yang berjaya apabila di-daftar mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 dimana2 Balai Bomba dalam negeri ini.

GAJI: Dalam sukatan gaji P 3 (\$290x5 — 300x10 — 320). (Kalau sa-sorang calon yang berjaya daripada Pegawai Kerajaan kemasokan-nya ka-dalam tingkatan gaji tersebut akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam).

Permohonan2 dari Pegawai Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 berserta dengan chatetan Perkhidmatan.

Permohonan2 mesti-lah diisi di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei, yang mesti di-kembalikan kepada Pegawai Perkhidmatan Bomba, Brunei tidak lewat daripada 21 November, 1966.

Bola Sepak: Maktab S.O.A.S. Mengalahkan Maktab Anthony Abell

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei telah mengalahkan Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan dua gol tidak berbalas dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 Seluruh Negeri Brunei Bahagian Murid2 kecil yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 6 November, 1966.

Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah memenangi Perisai W.J. Peel, bekas British Resident Brunei dan Maktab Anthony Abell memenangi Piala N.E. Clark, bekas Penguasa Hongkong dan Shanghai Bank, Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Nadzir Negara Brunei, Awang Suni bin Haji Idris.

LATEHAN MENEMBAK

TUTONG. — Pasokan 2/6 Gurkha Rifles akan mengadakan latehan menembak dalam kawasan Timor, Kampong Penanjong di-antara 7 November dan 26 November, 1966.

Kawasan tersebut ada-lah

mengandungi Kampong Penanjong, Kampong Keriam, Kampong Bukit Panggal dan Kampong Binturan.

Ha-nya peluru2 kosong sahaja akan di-gunakan pada masa di-adakan latehan menembak tersebut.

Latehan menembak itu tidak-lah akan memberi bahaya kepada orang2 awam.

Kenyataan Pejabat Pos Brunei

PEJABAT Pos Brunei akan di-buka untuk menjual setem dan menerima surat2 berdaftar sahaja seperti berikut:

* Hari Sabtu 12 November, 1966: Masa Bekerja — dari jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi. Masa Menutup — jam 10 pagi.

(Haji Ali Khan bin Abdul Khan)
Pengawal Pos,
Brunei.

* Terta'alok kepada perubahan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 9 November hingga ka-hari Selasa 15 November, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
9 Nov.	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
10 Nov.	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
11 Nov.	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
12 Nov.	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
13 Nov.	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
14 Nov.	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
15 Nov.	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Pertunjukan Pertanian Negara Brunei Kali Yang Ke-Delapan Belas

Juma'at 11 Nov. 1966

DI-MA'ALUMKAN untuk pengetahuan umum baha-wa Jabatan Pertanian Negara Brunei akan melangsungkan Temasha Pertunjukan Pertanian Seluruh Negeri Brunei pada hari Juma'at bersama'an dengan 11 November, 1966 bertempat di-S.M.J.A. (Bangunan sementara) di-Padang S.O.A.S. Brunei.

Orang ramai khas-nya kaum tani dan peladang am-nya seluruh penduduk negeri ini, ada-lah dengan hormat-nya di-jemput datang untuk mempamerkan beraneka jenis hasil2 tanam2an, perusahaan dan pertunjukan tangan kelua-ran tempatan sa-hari terlebih dulu dari tarikh yang di-tetapkan di-atas, kechu-ali jenis sayur2an, masak2an dan binatang2 ternakan akan di-terima pada awal pagi 11 November, 1966.

Pembukaan rasmi tema-sha pertunjukan itu akan di-langsungkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei pada jam 10.30 pagi pada tarikh tersebut dan akan terbuka kepada orang ramai pada jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.

Unsur2 perubahan dalam chara2 pameran ini ada-lah di-jangka akan menarek perhatian umum, kerana Temasha yang akan ber-langsung itu ada-lah buat

kali yang pertama pehak Jabatan Pertanian Negara Brunei akan menunjukkan (demonstration) chara2 usaha-kerja yang di-jalan-kan sa-hari2 dengan secha-ra peraktek akan di-per-tunjokkan kepada umum seperti membiakkan pokok2 buah2an ia-itu menchan-tum, melakom, menyan-ding, menternak ayam, me-melihara ikan, menanam padi, perusahaan membuat tali kalat, anyam2an dan sa-bagai-nya.

Pasokan Pencheragam Pulis Di-Raja Brunei akan menghiborkan orang ramai di-temasha tersebut.

Perkhidmatan bas per-chuma akan di-adakan untok penuntun2 yang akan membanjiri temasha terse-but dari sepanjang jalan

Tutong/Brunei, Jalan Mua-ra/Brunei dan Pekan Bru-nei sa-hingga selesai tema-sha tersebut.

HADIAH2 ISTEMEWA

Untuk menchatet ramai bilangan penuntun2 yang akan membanjiri temasha tersebut, penuntun2 akan di-beri satu kad yang mengandongi nombor belari, di-antara-nya siapa yang ber-nasib baik akan menerima hadiah2 istemewa.

Dalam temasha itu juga ahli2 Persatuan Peladang Brunei akan menjual po-kok2 buah2an dan hasil2 tanam2an mereka kepada orang ramai.

Orang ramai ada-lah di-peringatkan jangan-lah le-paskan peluang ini, sila-lah datang ka-temasha terse-but.

(Suhaimi bin Hj Ismail)
Setia Usaha Pertunjukan
Pertanian
Sa-Negeri Brunei.



AWANG SUHAIMI BIN
HAJI ISMAIL

Pensharah2 Universiti Malaya melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.—Em-pat orang Pensharah dari Universiti Malaya telah tiba di-Brunei pada minggu lalu, atas anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei untok mengumpulkan bahan2 mengenai penerbitan sa-buah buku Ilmu Alam Negeri Bru-nei, sa-bagai permulaan.

Pensharah2 tersebut ia-lah Dayang Zaharah binte Mah-mud, Doktor W.D. McTag-gert, Awang Lam Thin Fook dan Awang Khoo Soo Hock.

Mereka telah melawat ka-beberapa buah Jabatan Ke-rajaan serta juga Padang Minyak Seria, Ulu Belait, Ulu Tutong dan Ulu Tembu-rong.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa seramai 30 orang mahasiswa2 dari Universiti Malaya akan tiba di-Negeri Brunei dalam bu-lan Februari tahun hadapan untok menjalankan penyeli-dakan sa-lanjut-nya berkena-an dengan penerbitan buku Ilmu Alam tersebut.

Peraduan Lawak Jenaka Anjoran Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Se-ramai 12 pasokan telah men-daftarkan nama untok masok bertanding dalam RANCHA-NGAN MARI KETAWA yang di-anjorkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei.

"Banyak bakat2 baru da-lam lapangan ini telah di-da-pati dan ada-lah di-perchayai bakat2 ini, jika di-asoh, maka

sudah tentu kita akan mem-punyai ahli2 lawak jenaka yang dapat memberikan hida-ngan rohani dalam lapangan ini." Demikian kata Setia Usaha Peraduan ini Awang Abdul Wahab Mohamad.

Baru2 ini telah di-adakan pemilehan di-Studio Radio Brunei dan hasil dari pemile-han itu, seramai tiga pasokan telah terpilih untok bertan-ding bagi merebutkan gelan-2 Johan, Naib Johan dan Ketiga.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada masa di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio bagi Daerah Brunei dan Muara pada ma-lam 11 November 1966.

Pasokan2 yang telah terpi-leh untok memasoki Per-tandingan yang terakhir itu ada-lah seperti berikut:

1. Pasokan Kampong Ang-grek Desa, Berakas, "Kelu-ar-ga Si-Panjang Si-Pendek", terdiri dari Awangku Yahya Pengiran Hashim, Awang Mohammad Md. Yassin dan Awang Salleh Sukirman.

2. Pasokan Dua Yahya S.P. dari Tutong, terdiri dari Yahya Said dan Yahya Pisi.

3. Keluarga Tiga Sekawan dari Tutong juga terdiri dari Awang Haji Ahim Haji Ibra-him, Awang Idris Ahmad dan Awang Ramlee Salat.

kan ini mulai berjalan pada 24 Oktober, 1966.

Pengiran Tuah bin Pengi-ran Haji Chuchu (Guru Pe-nolong, Sekolah Melayu Mu-hammad Alam, Seria). Ja-watan sekarang — Menjadi Guru Besar, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Lantekan ini mulai berjalan pada 21 September, 1966.

Awang Arshad bin Taba (Guru Penolong, Sekolah Me-layu Amar Pahlawan, Bu-rong Pingai Berakas, Bru-nei). Jawatan sekarang—Pe-mangku (Sementara) Guru Besar, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Brunei. Lantekan ini mulai berjalan pada 24 Oktober, 1966.

Demikian menurut Siaran Sementara, Jabatan Pela-jaran, Brunei bertarikh 27 Oktober, 1966.

Siaran Mengenai Jawatan Pegawai2 Jabatan Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Pe-gawai2 yang di-sebutkan di-bawah ini telah di-lantek ba-gi memenohkan tempat2 yang di-kosongkan oleh Nad-zir yang telah berangkat ka-United Kingdom baru2 ini.

Awang Md. Yusuf bin Ta-hir (Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong). Ja-watan sekarang—Pemangku Penyusun Latehan Kesenian dan di-samping itu sa-bagai Nadzir Sekolah2 Melayu Ba-hagian Temburong. Lantekan ini mulai berjalan pada 19 Ogos, 1966.

Awang Hamdani bin Haji Abdul Rahman (Nadzir Pe-lajaran Dewasa). Jawatan sekarang — Pemangku Pen-yusun Pelajaran Dewasa dan Bahasa Melayu di-Sekolah2 China dan Misi. Lantekan ini mulai berjalan pada 20 September, 1966.

Awang Abdul Hamid bin Awang Othman (Guru Be-sar, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Brunei). Jawatan sekarang — Pemangku Nad-zir Pelajaran Dewasa. Lante-

PASAR GEMBIRA PENGAKAP

BANDAR BRUNEI.—Maj-lis Mashuarat Pengakap Dae-rah Brunei telah meluluskan satu chadangan dalam persi-dangan-nya baru2 ini untok mengadakan temasha Pasar Gembira.

Temasha itu akan di-ada-kan di-tempat perhentian ke-reta2 berhampiran Panggong Boon Pang Baharu di-Ban-dar Brunei sa-lama tiga hari, ia-itu pada hari Sabtu 26 November, hari Ahad 27 No-venber dan hari Isnin 28 November, 1966.

Di-antara tujuan2 di-ada-kan Pasar Gembira tersebut ia-lah untok mengutip Derma Pembangunan Ibu Pejabat Pengakap, menghantarkan perwakilan Pengakap ka-luar negeri dan sa-bagai-nya.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

Pertunjokan Pertanian Negeri Brunei

PERTUNJOKAN Pertanian Negeri Brunei pada tahun ini akan di-adakan di-Bangunan Sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei pada hari Juma'at 11 November, ia-itu dua hari lagi. Ini-lah kali yang ke-delapan belas Pertunjokan Pertanian itu di-adakan di-negeri ini.

Di-antara barang2 yang akan di-pamerkan itu ialah berbagai2 jenis hasil pertanian yang di-usahakan oleh peladang2 dari seluroh negara; Beberapa jenis getah; Binatang2 peliharaan dan telur; Pertukangan Perak; Pertukangan Tembaga; Tenunan daripada benang2 emas dan perak; Anyam2an daripada rotan, pandan, buloh, bemban dan batang padi; Sulam menyulam daripada benang dan kain kebanyakan; Ukiran dan Pertukangan Tangan; Pertukangan Kayu; Bunga2 Hidup; Bunga2 daripada perbuatan tangan; Barang2 masakan; Barang2 perbuatan sekolah seperti buah2an dan sayur2an yang di-tanam di-sekolah; Chontoh bentuk bangunan rumah dan kawasan yang di-buat di-sekolah dan lain2-nya.

Menilik kapada barang2 yang akan di-pamerkan itu, dapat-lah di-katakan bahawa Pertunjokan Pertanian Negeri Brunei pada tahun ini, akan lebeh baik lagi daripada Pertunjokan2 Pertanian yang telah di-adakan pada tahun2 yang lalu.

Kejayaan itu ada-lah atas kerjasama dari Jabatan Pertanian Negeri Brunei yang telah berusaha dengan bersungguh2 untuk memberikan berbagai2 pertolongan kapada orang ramai, terutama sekali kapada peladang2, bagi memajukan perusahaan2 mereka dalam hal ehwal pertanian dan sa-bagai-nya.

Mudah2an usaha sa-demikian itu akan berkekalan selama2-nya.



Awang Abdul Rahman bin Omar Inche, Ranger Kehutanan di-Pusat Kehutanan Sungai Liang sedang memeriksa pokok "Pinus Merkusli" yang berumur 2 tahun. Benih pokok ini datang-nya dari Holland.

Pokok2 jenis *Pinus Caribaea* yang di-tanam di-Sungai Liang dalam masa empat tahun yang lalu. Benih pokok ini juga datang-nya dari Holland.



changan Kehutanan neui Di-Perluas Bagi embekalkan Kayu an Yang Di-Perlukan

dewasa ini maseh luas ang di-penohi dengan be- yang mungkin menjadi agi negeri ini.

banyak bidang kemajuan n yang boleh di-tempat- yang di-penohi belukar lum sa-suatu ranchangan enyelidekan ada-lah perlu n2 yang akan di-jalankan t dan sa-terus-nya me-

yu kayan memang tidak sa-bagai salah satu sumber na'moran bagi sa-sabuaa an Brunei memang me- an bagi memesatkan ran- an terutama sa-kali bagi eri ini dengan kayu kayan erlukan dalam detik Bru- angun.

tanan Negara, Awang C. menjelaskan bahawa pada 2 jenis kayu dari seluroh uba di-tanam di-negeri

ngan itu berjaya, maka neui mengadakan keper- alam bidang pembangunan i satu perkara yang mus-

stabil juga pada satu masa n dapat mengexport kayu eri dengan lebeh luas lagi umber kekayaan Brunei ta2 bergantung kapada eria itu.

aling besar dalam rancha- pokok2 kayu itu ia-lah di- sa-jauh ini lebeh dari 10 u yang di-datangkan dari berjaya di-tanam di-pusat

is pokok lagi telah di-se- lum tumbuh dan enam

jenis lagi sudah pun di-pesan dari-luar ne- geri untok meluaskan ranchangan tersebut.

Jenis kayu luar negeri yang berjaya di- tanam di-pusat itu ia-lah Pinus Caribaea, Pinus Insularis, Pinus Merkusii, Pinus Massoniana, Pinus Eliotii, Pinus Taeda, Araucaria Hunstereii, Taxodium Mucrona- tum, Juniperus Bermudiana.

Jenis kayu Agathis Alba (Damar Mi- nyak) atau yang di-panggil di-Brunei sa-ba- gai 'Kayu Tolong' ia-lah satu2-nya jenis kayu tempatan yang telah di-export keluar negeri saperti ka-Jerman, Hong Kong, Aus- tralia, Italy, dan Jepun. Negeri yang paling banyak menempah kayu tersebut ia-lah Aus- tralia.


Bersempena dengan pertunjukan ta- nam2an anjoran Jabatan Pertanian Negara Brunei pada 11 November, 1966 bertempat di-Sekolah Melayu SMJA padang, maka Jabatan Kehutanan Negara Brunei akan mempamerkan beberapa jenis kayu, baik yang sudah di-tanam mahupun yang belum di-tanam.

Dalam pameran itu nanti, Jabatan Ke- hutanan Negara akan juga menunjokkan mana satu pokok kayu yang boleh berkem- bang luas jika di-tanam di-negeri ini dan di-sertai dengan penerangan2 dari pegawai2 jabatan tersebut.

Di-samping itu beberapa buah buku mengenai kayu kayan di-beberapa buah negeri di-dunia termasuk Borneo akan juga di-tunjokkan dalam pameran itu.

Beberapa keping gambar yang dapat membayangkan usaha penanaman pokok2 kayu luar negeri di-Sungai Liang itu akan di-tunjokkan kapada orang ramai di-sertai dengan keterangan2-nya sekali.

Orang ramai ada-lah di-alu2kan bagi menyaksikan pameran kayu kayan itu di- sabuah bilek bangunan sementara Sekolah Melayu SMJA dari pagi hingga petang pa- da 11 November, 1966 ini.




Semaian pokok jenis 'Pinus Taeda' yang datang-nya dari Australia.



Yang di-lindungi oleh daun rumbia ini ia-lah pokok jenis 'Eucalyptus Degiupta' yang di-datangkan dari Afrika Selatan dan di-tanam di-Pasir Putih.



Jenis 'Agathis Alba' (Damar Minyak) atau 'Kayu Tolong.'



Kolam yang di-buat oleh Jabatan Kehutanan Negara bagi membekalkan ayer untok menchegeh kebakaran.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Peringkat Daerah2 Brunei, Muara dan Temburong

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Tahun 1967 bagi Peringkat Daerah2 Tutong dan Belait telah-pun di-jalankan dalam bulan Oktober yang baru lalu. Sekarang hanya tinggal dua daerah saja lagi, ia-itu Daerah2 Brunei/Muara dan Temburong.

Pertandingan2 bagi Peringkat Daerah Brunei/Muara dan Temburong akan di-jalankan dalam bulan November ini.

Pengurus dan Penerbit ranchangan ini sudah-pun menentukan tarikh2 pertandingan bagi kedua daerah tersebut.

Jika tidak ada apa2 halangan, maka Pertandingan bagi Peringkat Daerah Brunei/Muara akan di-jalankan pada 11 November, 1966 bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Pertandingan bagi Peringkat Daerah Temburong akan di-jalankan pada 25 November, 1966 bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Untuk Daerah Brunei/Muara seramai 20 peserta, ia-itu 8 orang di-antara-nya chalon2 wanita, telah terpilih untuk memasuki pertandingan peringkat daerah.

Mereka yang terpilih itu ia-lah:

Bahagian lelaki:—

1. Md. Zain Sa'at, 2. M.S. Bakry, 3. Hussin Hj. Tuah, 4. Ak. Emran Pg. Manai, 5. Moris Maylin, 6. Ak. Mahmud Pg. Besar, 7. A. Jaafar Abd. Wahab, 8. Mohammad H.M. Yassin, 9. Ak. Puteh Pg. Manggong, 10. P.R. Tajuddin, 11. Ak. Bujang Pg. Suhaili, 12. A.B. Shahri.

Bahagian wanita:—

1. Norsiah Hamid, 2. Siti Mariam Yussof, 3. Latifah Lakim, 4. Dk. Safiah Pg. Suhaili, 5. Dk. Sharifah Pg. Besar, 6. Dk. Rosnah Pg. Manai, 7. Dk. Mariam Pg. Hj. Mohammad, 8. Dk. Norsiah Pg. Md. Said.

Di-Daerah Temburong, hanya seramai 18 orang peserta saja telah mendaftarkan nama untuk masuk bertanding. Tiga orang di-antara-nya ia-lah chalon2 wanita.

Penerbit ranchangan ini telah menetapkan bahawa semua chalon2 yang telah mendaftarkan nama mereka itu akan terus di-bawa ka-Pertandingan Peringkat Daerah. Sebelum pertandingan di-jalankan, latehan2 akan di-adakan di-sebelah pagi, bertempat di-Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bangar, Temburong.

Chalon2 lelaki dan wanita bagi Daerah Temburong ia-lah:—

Bahagian lelaki:—

1. Md. Salleh Hj. Daud, 2. Ak. Othman Pg. Metahir, 3. M. Masri Jambul, 4. P.H. Ahmady, 5. M.J. Jamil, 6. J.M. Ibrahim, 7. Mohammad Yussof, 8. Md. Hassan Hj. Jeruddin, 9. Mohammad Hj. Jeruddin, 10. A. Rosli Bakar, 11. K. Shamsuddin, 12. M.I. Mohammad, 13. Ak. Metussain Pg. Tuah, 14. M. Bakri, 15. Barudin Asar.

Bahagian wanita:—

1. Dy. Thaibah O.K.S. Haji Abdul Rahim, 2. Dy. Armah Kamarudin, 3. Dy. Damit Timbang.

Sabuah Badan Jawatan Kuasa Kerja untuk menyelenggarakan Pertandingan bagi Daerah Temburong ini,

telah-pun di-lantek oleh Timbalan Pengarah Penyiaran & Penerangan, Brunei, Awang Md. Salleh bin Abdul Kadir bagi pehak Bahagian Melayu Radio Brunei.

Badan Jawatan Kuasa tersebut ia-lah:—

Pengurus — Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan.

Penolong Pengurus — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz Mohamad.

Setia Usaha — Awang Ampuan Jumaat Ampuan Safiuddin.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inspektor Thani Abdul Hamid, Awang Haris Judin, Che'gu Bolhasan Dato' Petinggi, Awang Yusof Haji

Mesir dan Awang James Ho.

Di-samping mengadakan pertandingan bagi Peringkat Daerah Temburong, Radio Brunei juga akan membawa rombongan Penglipor lara untuk menghiborkan para penduduk daerah Temburong. Dalam rombongan ini nanti, akan di-bawa beberapa orang penyanyi2 jemputan khas, yang belum pernah meninjau ke-Daerah Temburong.

Dalam Pertandingan Peringkat Daerah Brunei/Muara nanti, Pegawai Daerah Brunei/Muara Yang Mulia Awang Ali bin Awang Besar akan menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan pembukaan pertandingan itu.

Jawatan-Jawatan Kosong:

Ketua Penterjemah Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu untuk memenohi jawatan kosong sebagai Ketua Penterjemah di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (a) Lulus Sijil Persekolaan Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat Peringkat Tertinggi (Principal Level) dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 10 tahun; atau,

- (b) Lulus Sijil Persekolaan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 15 tahun.

GAJI: Dalam sukatan C 3 EB 4 \$930 x 30—1050/EB/1080 x 30—1200 Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN: Kontrek selama 3 tahun ter-

masuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan.

Pembantu2 Haiwan dan Makmal Di-Pejabat Pertanian Negara Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong seperti berikut di-Pejabat Pertanian Negara, Brunei.

- (1) PEMBANTU HAIWAN.
- (2) PEMBANTU MAKMAL.

KELAYAKAN2: Chalon2 mesti-lah lulus Kursus Kehaiwanan/Makmal di-Malaya atau sekurang2-nya lulus sijil Persekolaan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam perkara Sain.

Chalon2 yang berjaya mungkin akan di-hantar berlateh di-seberang laut setelah menamatkan masa perkhidmatan selama satu tahun.

GAJI: Dalam sukatan \$270 x 15—360/terlateh/380

x 20—480/EB/500 x 20—620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN: Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS: Untuk sa-orang chalon yang di-lantek sechara berkontrek baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 3 Disember, 1966.

Pemereksa Ternak Di-Pejabat Pertanian

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak untuk di-daftarkan sedemikian bagi jawatan kosong sebagai Pemereksa Ternak di-Pejabat Pertanian, Brunei.

KELAYAKAN2: Pemohon2 mesti-lah lulus Form I Inggeris dan Darjah V Melayu, dan mempunyai Sijil Terna-

kan Binatang atau yang bersamaan dengan-nya.

GAJI: Dalam sukatan D 1-2 EB 3 \$210 x 10—270 x 15—360/EB/380 x 20—480.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 November, 1966.

Pasokan Brunei Sports Club telah berjaya menjadi Johan dalam Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Daerah Brunei pada tahun ini, sa-lepas pasokan itu mengalahkan Pasokan 51 Brigade B.O.R di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 28 Oktober, dengan dua gol tidak berbalas.

Pengurus, Malayan Banking Berhad, Brunei Awang Wong Kok Wah telah menyampaikan Perisai Malayan Banking Berhad kepada pasokan itu sa-lepas tamat perlawanan tersebut.

Dalam gambar ini kelihatan, antaranya, Awang Karim bin Pukul Pengurus, Pasokan B.S.C. (berdiri di-hujung kiri sekali); Awang Abdul Hamid Ja'afar, Setia Usaha B.S.C (berdiri bilangan kelima dari kanan); Awangku Idriss Pengerusi, Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Keputeraan; D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Daerah Brunei (bilangan ke-enam dari kanan) serta pemain2 Pasokan Brunei Sports Club



Perlawanan Bola Sepak Antara Persatuan2, Kelab2 dan Persekolahan

PERLAWANAN Bola Sepak antara Persatuan2, Kelab2 dan Persekolahan Daerah Brunei dan Temburong atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei, kerana Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-50 yang telah dijalankan bertempat di-padang Bandar Brunei, ada-lah seperti berikut:—

1. PADA 14 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "A" antara Pasokan Pulis Di-Raja, Brunei dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B" Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B" menang dengan 7 gol berbalas 2.

2. PADA 15 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "B" antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan 51 Brig. British Other Rank. Keputusan-nya 51 Brig. British Other Rank menang dengan 5 gol tidak berbalas.

3. PADA 17 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "C" antara Pasokan Sumbiling dengan Pasokan 51 Brig. Gurkha. Keputusan-nya perlawanan itu seri—3 gol berbalas 3.

4. PADA 19 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "D" antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A". Keputusan-nya Pasokan Brunei Sports Club menang dengan 3 gol berbalas 1.

Maka dengan keputusan2 perlawanan itu selesai-lah perlawanan pukul keliling (League) antara kumpulan2 dalam tiga pasokan. Keputusan-nya:—

(i) KUMPULAN "A":

Yang menjadi Johan ia-lah Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B".

(ii) KUMPULAN "B": Yang menjadi Johan ia-lah Pasokan 51 Brigade British Other Rank.

(iii) KUMPULAN "C": Yang menjadi Johan ia-lah Pasokan Sumbiling.

(iv) KUMPULAN "D": Yang menjadi Johan ia-lah pasokan Brunei Sports Club.

Sambongan perlawanan antara Johan tiap2 kumpulan di-adakan dengan chara kalah mati (Knock-out) ada-lah seperti berikut:—

1. PADA 21 OKTOBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B" dengan Pasokan 51 Brigade British Other Rank. Keputusan-nya Pasokan 51 Brig. British Other Rank menang dengan 5 gol berbalas 3.

2. PADA 22 OKTOBER,

1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Sumbiling dengan Pasokan Brunei Sports Club, Keputusan-nya Pasokan Brunei Sports Club menang dengan 2 gol berbalas 1.

3. PADA 28 OKTOBER, 1966: Perlawanan Akhir antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan 51 Brig. British Other Rank, Keputusan-nya pasokan Brunei Sports Club menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan pada petang itu selesai-nya permainan Bola Sepak kerana Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang Ke-50, di-Bandar Brunei.

Yang menjadi Johan ia-lah pasokan Brunei Sports Club dan memegang Perisai Malayan Banking Berhad, Brunei bagi tahun 1966. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan 51 Brig. British Other Rank. Pasokan ini telah menjadi Johan pada tahun 1965. — DI SUSUN OLEH AWANG MD. HUSAIN ZAINAL.

Sambutan Isra' dan Me'raj Di-Kampung Sengkung

KAMPONG SENGKURONG. — Penduduk2 Kampung Sengkung Brunei akan mengadakan satu Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkung pada 13 November, 1966 bersama'an dengan 29 Rajab, 1386 mulai jam 7.30 malam.

Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Muhammad Zain bin Haji Seruddin akan melafadzkan satu Sharahan Ugama di-majlis tersebut.

Sharahan mengenai Isra' dan Me'raj akan di-sampaikan di-majlis itu oleh Awang Abdul Latiff bin Haji Hashim dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Awang Abdul Hamid bin Bakal yang telah balek ka-Tanah Ayer baru2 ini sa-lepas lulus dari Universiti Al-Azhar, Mesir pula akan melafadzkan satu Sharahan Khas di-majlis tersebut.

Uchapan alu2an akan di-sampaikan di-majlis itu oleh Setia Usaha sambutan tersebut, Awang Mohd. Tamit bin Dato Seri Paduka Tuan Haji Mangol.

Imam Masjid Kampung Sengkung, Awang Bahar bin Karim akan Membacha Al-Qur'an dan beliau juga akan Membacha Do'a Selamat.

Persembahan Permainan Gambus dan Nashid di-bawah Pimpinan Ustadz Abdul Kadir bin Awang akan juga di-adakan di-majlis Sambutan Isra' dan Me'raj di-Padang Sekolah Melayu Sengkung pada malam tersebut.

Menghadhiri Kursus Pemimpin Belia Di-Malaya

BERAKAS.—Empat orang Wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Kuala Lumpur baru2 ini dalam perjalanan mereka ka-Kuala Kubu Baharu, Selangor, Malaya untuk menghadhiri Kursus Pemimpin Belia sa-lama tiga minggu. Ini-lah rombongan ke-enam wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri

Brunei menghadhiri Kursus Pemimpin Belia itu.

Mereka ia-lah Awang Mohammad bin Chuchu dari G.P.P.S. Tutong; Dayangku Aisah binte Pengiran Md. Said dari Persatuan BAKTI, Brunei; Dayang Naemah Razali dari Persatuan Kebajikan Perempuan, Daerah Belait dan Awang Jumat bin Abbas dari Persatuan Pemuda Pemudi Kiarong, Brunei.

Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Belait telah di-langsungkan di-atas sa-buah pelampung di-Sungai Belait berhadapan dengan Pejabat Kastam Di-Raja, Kuala Belait pada malam 5 November, 1966 dengan memperolehi kejayaan dan di-saksikan oleh beribu2 orang.

Peserta yang berjaya dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an Daerah Belait pada malam tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Morni bin Sana. Naib Johan — Haji Zainuddin bin Pehin Udana Khattib Awang Tamin Ketiga — Awang Abu Bakar bin Haji Md. Paun.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayangku Saimah binte Pengiran Damit. Naib Johan — Dayang Hamshah binte Hussein. Ketiga — Dayang Hazizah binte Nawi.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.

Peraduan Membacha Sajak Sambutan Isra' dan Me'raj

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Membacha Sajak bagi memilih lima buah Persatuan untuk mewakili Daerah Brunei/Muara ka-Peringkat Negeri telah di-langsungkan pada 23-10-1966, bertempat di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

Dalam pemilihan tersebut, sa-jumlah dua puluh satu buah Persatuan dan Maktab2 di-Daerah Brunei/Muara telah mengambil bahagian. Keputusan dari pemilihan itu, lima buah persatuan dan maktab2 mewakili Daerah Brunei/Muara ia-lah seperti di-bawah ini.

1. Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan yang di-wakili oleh Dayang Latifah binte Haji Ya-kub dan Awang Mohammed Morshidi Al-Haj. 2. Maktab Perguruan Melayu Brunei yang di-wakili oleh Dayangku Rosni binte Pengiran Ismail dan Awang Yassin bin Hassan. 3. Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer (3PKA) yang di-wakili oleh Awang Noordin bin Bakyr dan Awang

Majlis Belia

PENANJONG. — Mashuarat pertama Gabungan Belia2 di-Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-Dewan Persatuan Melayu Penanjong (PERDA) pada petang hari Ahad 6 November, 1966 telah beresetuju untuk menubuhkan sa-buah Majlis yang mengandungi belia2 di-Daerah Tutong dengan di-beri nama MAJLIS BELIA DAERAH TUTONG.

Sembilan Belas orang Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi 6 buah Persatuan2 dari 10 buah Persatuan2 yang di-undang telah hadir.

Persatuan2 yang di-wakili dalam persidangan tersebut ia-lah: Persatuan Melayu Penanjong; Persatuan Melayu Keriam Tutong; Persatuan Melayu Tanjong Maya; Gerakan Pekatan Sukarela Tutong; Persatuan Sang Jati Dusun dan Persatuan Melayu Sengkarai.

Majlis tersebut telah di-Pengerusikan oleh Pengerusi Sementara Awang Musa bin Edin. Beliau telah menegaskan antara-nya bahawa ada-lah perlusustahak-nya sa-buah Badan Majlis Belia Daerah di-tubuhkan di-Daerah Tutong, yang mana perkara itu akan di-rundingkan dalam persidangan tersebut.

Turut memberikan ucapan ia-lah Awang Suni bin

Daerah Tutong

Haji Idris, selaku Wakil Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei, Yang Berhormat Aw. Abdul Aziz bin P.U.K. Aw. Haji Umar yang telah tidak dapat hadir di-majlis tersebut. Awang Suni telah menyeru sa-moga chita2 ka-arrah penubuhan Majlis Belia di-Daerah Tutong itu akan berjaya dan terlaksana-nya demi kepentingan belia2 di-Daerah Tutong khas-nya dan belia2 di-seluruh negara am-nya.

Sa-buah Badan Penaja Sementara telah di-bentuk, guna membuat persediaan2 untuk majlis tersebut. Badan ini di-namakan Badan Jawatan Kuasa Sementara Majlis Belia Dae-

Di-Tubuhkan

rah Tutong. Anggota2 Badan ini yang telah dilantik ada-lah seperti berikut:

Pengerusi — Awang Musa bin Edin. Penolong Pengerusi — Awang Taib bin Haji Said. Setia Usaha — Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Md. Safar. Penolong Setia Usaha — Aw. Sidek bin Yahya.

Jawatan Kuasa Tertinggi — Awang Emran bin Hussein, Awang Lunchai bin Uking, sa-orang Ahli J.K.T. Persatuan Sinaut; sa-orang Ahli J.K.T. Persatuan Luagan Dudok; sa-orang Ahli J.K.T. Persatuan Kiudang dan sa-orang Ahli J.K.T. Persatuan Lamunin.

Penyata Tahunan Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Penyata Tahunan 1964 bagi Negeri Brunei telah di-terbitkan dan sekarang sedang dijual dengan harga \$4 sa-naskhah.

Penyata itu ada-lah mengandungi sa-banyak 248 muka; dua gambar berwarna serta sa-buah peta yang baru, iaitu merupakan satu kemajuan daripada penerbitan2 yang lalu.

Di-muka pertama Penyata Tahunan tersebut menunjukan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Sai-

fuddin sedang menerima Tabek Kehormatan dalam satu Istiadat Perbarisan.

Satu pemandangan istemewa Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampong Ayer dari udara ada-lah di-antara gambar2 yang chantek di-siarkan dalam Penyata Tahunan tersebut.

Penerbitan Penyata Tahunan Negeri Brunei pada kali ini ada-lah mempunyai lebih banyak perangkaan dari penerbitan2 yang lalu serta juga satu fasal baru mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah di-tambah dalam-nya juga.

\$9,000 DI-DAPATI DARIPADA PASAR GEMBIRA DI-SERIA

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak hampir2 \$9,000 dari Pasar Gembira sa-lama lima hari yang di-adakan di-Gelanggang Sokan Seria dalam bulan lepas.

Pasar Gembira itu telah di-adakan khas untuk mengutip wang bagi memenuhi kekurangan dalam anggaran perbelanjaan yang mungkin akan di-hadapi oleh Badan Pengurus Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Sa-orang juruchakap bagi Majlis itu berkata bahawa wang yang di-dapati itu telah dapat menolong bagi mengatasi sa-barang kesukaran kewangan yang mungkin di-hadapi oleh Rumah Orang2 Tua itu hingga penghujung tahun ini.

Majlis itu, tambah beliau, sangat berterima kasih kepada orang ramai yang telah mengunjung pasar gembira itu dan menyokong-nya dengan sepenoh.

Hashim bin Abdul Hamid. 4. Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai (Perangkab) yang di-wakili oleh Awang Ghafar bin Salim dan Dayang Naemah binte Awang Tengah. 5. Persatuan Astera-wani yang di-wakili oleh Awang Ahmad bin Razak dan Awang Rais bin Bani.

Persatuan2 yang mewakili Daerah Tutong dan Belait pula ia-lah seperti berikut:

1. Kesatuan Angkatan Muda/Mudi Kiudang Tutong, yang di-wakili oleh Dayang Sabariah binte Mohd. Noor dan Awang Saadi bin Taif. 2. Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PMKT) yang di-wakili oleh Awang Junaidi bin O.K.S.N. Mohd. Safar dan Dayang Latifah binte Libut.

3. Persatuan Belia Belait yang di-wakili oleh Awang Adnan bin Pawi dan Awang Ahmad bin Rashid. 4. Persatuan Belia Seria yang di-wakili oleh Awang Jumat bin Idris dan Dayang Ainah binte Haji Ibrahim.

Wakil2 Persatuan2 yang tersebut ada-lah di-kehendaki hadir ka-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada jam 7.30 malam hari Sabtu —12-11-1966 untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Sajak Peringkat Negeri.

Peraduan ini ada-lah salah satu acara istemewa dalam menyambut Malam Isra' dan Me'raj. Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir ka-temasha tersebut.

BALEK DARI MESIR

BERAKAS. — Awang Abdul Hamid bin Bakal, telah balek ka-Brunei dari Mesir dengan kapal terbang pada petang hari Selasa 1 November, 1966 sa-lepas tamat belajar di-Universiti Al-Azhar, Mesir sa-lama tiga tahun atas biasiswa Kerajaan Brunei, dengan memperolehi Degree M.A.

Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sa-orang lagi penuntut Brunei yang telah melanjutkan pelajaran di-Universiti Al-Azhar Mesir atas biasiswa Kerajaan Brunei telah balek ka-Brunei bersama2 dengan Awang Abdul Hamid untuk berchuti di-Tanah Ayer.